

Usah layan Lynas seperti 'paria'

KUALA LUMPUR 26 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak boleh melayan pelabur kilang nadir bumi, Lynas Corporations Ltd. (Lynas) seperti 'paria'.

Perdana Menteri berkata, tindakan menghalau Lynas keluar juga tidak boleh dilakukan kerana Malaysia telah menjemput syarikat dari Australia itu membuat pelaburan berbilion ringgit di negara ini.

"Kita telah pun menghantar golongan pakar untuk mengenal pasti sama ada sisa tersebut bahaya atau tidak dan mereka mendapati sisa itu tidak bahaya. Bagaimanapun, kumpulan anti-Lynas masih mahu menghapuskan Lynas.

"Ini (Lynas) merupakan pelaburan besar RM1.7 bilion, menawarkan 700 peluang pekerjaan berkualiti dan ber-

pendapatan tinggi.

"Jika kita melayan mereka (Lynas) seperti 'paria' dan mengarahkan mereka keluar, tidak ada lagi orang berminat untuk melabur di negara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2019, di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) menafikan spekulasi kononnya keputusan memperbaharui lesen operasi Lynas selama enam bulan berikutan hubungan diplomatik yang baik antara Malaysia dengan Jepun.

"Tiada kaitan dengan Jepun atau hubungan baik saya dengan kerajaan Jepun," katanya.

Pada 28 Jun lalu, Lynas memeterai pembaharuan pinjaman mudah bagi tempoh 10

tahun dengan Jepun, sekali gus memacu komitmen syarikat dari Australia itu dalam membekalkan hasil nadir bumi ke negara tersebut.

Dalam perkembangan lain, kerajaan masih mempertimbangkan untuk menerbitkan pinjaman mudah Bon Samurai kali kedua susulan kadar faedah yang ditawarkan kerajaan Jepun ketika ini adalah lebih rendah.

Kata beliau, kadar faedah bahu yang ditawarkan negara Matahari Terbit itu adalah lebih rendah berbanding 0.65 peratus setahun seperti yang diterima sebelum ini.

"Jepun sedia untuk beri kita pinjaman mudah, lagi rendah daripada kadar sebelum ini, jadi kita sedang kaji bagaimana untuk gunakan pinjaman murah ini bagi menangani masalah kewangan negara," katanya.